

*Artikel*

**Pembinaan Negara-Bangsa di Malaysia: Sorotan dari Segi Sejarah dan Cabarannya**  
(*Nation-State Building in Malaysia: The History and Its Challenge*)

Khairul Ghufran Kaspin<sup>1 & 2\*</sup>, Mohd Samsudin<sup>2</sup> & Azlizan Mat Enh<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [P103088@siswa.ukm.edu.my](mailto:P103088@siswa.ukm.edu.my)

Diserah: 01 Januari 2024  
Diterima: 01 Februari 2024

**Abstrak:** Negara-bangsa ialah sebuah negara berdaulat yang mempunyai penduduk dengan kesedaran bahawa terdapat persamaan dalam kalangan mereka. Persamaan tersebut dapat dilihat dari segi tradisi lama, adat dan bahasa yang dikongsi bersama-sama dalam kalangan mereka yang tinggal di dalam sebuah wilayah negara-bangsa. Dari sudut kewujudannya, sebuah negara-bangsa merupakan entiti yang bebas daripada konsep dunia empayar. Di Malaysia, konsep asas pembinaan sebuah negara-bangsa telah wujud sejak zaman pemerintahan raja Melayu, manakala sistem pentadbiran ketika zaman penjajahan British pula telah memperkenalkan Tanah Melayu kepada konsep negara-bangsa moden. Justeru, kajian ini bertujuan menyoroti sejarah perjalanan pembinaan negara-bangsa Malaysia yang merdeka dan cabaran-cabaran yang dihadapi negara dalam usaha mencapai tujuan tersebut. Makalah yang dihasilkan adalah berbentuk kajian kualitatif sejarah dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Disamping itu, kaedah penulisan dan analisis Sains Sosial juga digunakan bagi menghasilkan analisis penulisan yang lebih luas. Hasil dapatan kajian mendapatkan bahawa proses pembinaan negara-bangsa di Malaysia merupakan sebuah proses yang berterusan atau *ongoing process*. Proses tersebut mula terbentuk melalui konsep tradisional negara-bangsa yang wujud sebelum zaman penjajahan British lagi dan seterusnya proses tersebut berkembang ketika zaman penjajahan dan terus berkembang setelah mencapai kemerdekaan mengikut perkembangan Tanah Melayu yang berfungsi sebagai sebuah negara-bangsa. Hingga pada era pasca-merdeka, dasar-dasar yang cuba diketengahkan oleh pihak pemerintah terus memperkasakan konsep negara-bangsa bagi membentuk bangsa idaman dan negara cita yang menjadi menjadi objektif semua negara yang merdeka. Makalah ini diharapkan dapat memberi gambaran terhadap perjalanan sejarah dan cabaran yang dihadapi oleh negara dalam usaha membentuk sebuah negara-bangsa idaman.

**Kata kunci:** Negara-bangsa; sejarah; cabaran; bangsa idaman; nasionalisme.

**Abstract:** A nation-state is a sovereign state with the people have an awareness that they have something in common. There is something in common that can be seen among those who live together in the same nation-state territory based on language, customs and old traditions that are shared. In short, a nation-state is a state entity that is free from any world concept of empire. In Malaysia, the basis of nation-state building has existed since the reign of the Malay king, while the British administrative system during the colonial period had introduced Malaya to the concept of a modern nation-state. Thus, this study aims to highlight the history of the nation-state formation in Malaysia and the challenges in order to achieve the goal. This is a qualitative academic history article and the writing used the document analysis method. In addition to that, the Social

Science analysis methods are also used to give a more extensive and broad writing analysis. The results of the study found that the nation-state building in the country is an ongoing process. The process has been formed through the traditional nation-state concept that existed before the British colonial era, thus the process keep developed during the colonial period and continued after the independence based on the development of as a sovereign nation-state. Until the post-independence era, the policies that the government tried to highlight continued to empower the nation-state concept to form a nation-of-intent in the country that became the objective of all independent countries. This paper is expected to give such a broad overview of the history and challenges faced by the country in its efforts to form a nation-of-intent.

**Keywords:** Nation-state; history; challenge; nation-of-intent; nationalism

## Pengenalan

Malaysia secara umumnya merupakan sebuah negara-bangsa yang merdeka dan dikenali di pentas dunia atas faktor kemajmukan masyarakatnya. Kemajmukan yang berlaku tersebut menyebabkan terdapat fenomena dari segi jenis pekerjaan, bahasa, budaya, agama dan sebagainya. Sehubungan itu, perkara tersebut sering menjadi subjek perbincangan dari pengkaji pelbagai disiplin ilmu pengetahuan seperti Sejarah, Sains Politik dan Sosiologi. Lantaran itu, kepelbagaian yang terdapat dalam kalangan masyarakat di Malaysia banyak dibincangkan dalam penulisan-penulisan disiplin sejarah dan disiplin-disiplin ilmu yang lain yang berbentuk akademik. Sehubungan itu, terdapat penulisan akademik seperti dalam disiplin sejarah yang memberi fokus penulisan terhadap fenomena kepelbagaian etnik di negara ini dengan menunjukkan kecenderungan kajian terhadap perkembangan-perkembangan berkaitan usaha pembinaan negara-bangsa dan hubungan antara etnik. Di sudut yang lain, idea pembinaan negara-bangsa yang dibincangkan dalam konteks sebagai ‘Bangsa Malaysia’ merupakan satu usaha yang berterusan dari dulu hingga kini (Mohd Ashraf, 2010). Dalam konteks sejarah Tanah Melayu, pembentukan negara-bangsa bergerak seiring dengan perkembangan nasionalisme setelah terdapat kesedaran yang subjektif akan ciri-ciri, nasib dan kesedaran bersama dalam kalangan anggota masyarakat terhadap perlunya menentang penjajah dan mewujudkan sebuah negara yang berdaulat (Abdul Rahman Embong, 2015).

Kewujudan negara-bangsa atau *nation-state* adalah penghubung sejarah bagi sesebuah bangsa dari generasi terdahulu hingga kini. Malah, perkara tersebut merupakan perkara asas bagi sesebuah negara-bangsa yang merdeka bagi mengejar kemajuan dari dulu hingga kini. Sehubungan itu, negara-bangsa merupakan sebuah fenomena sosio-politik dalam konteks kewujudan negara pada abad ke-20. Terdapat banyak tamadun yang pernah muncul dalam lipatan sejarah di dunia melihat konsep negara-bangsa sebagai kemajuan sosio-politik bagi tamadun tersebut. Manakala kewujudan negara-bangsa dalam konteks Malaysia pula turut menjadi perkara yang sering dibincangkan dari hal persoalan negara-bangsa khususnya setelah bebas dari cengkaman penjajah (Hasnah, 2010). Dalam konteks Malaysia, kewujudan negara-bangsa merupakan sebuah proses yang berterusan (*ongoing process*). Malah proses tersebut masih lagi terus berkesinambungan hingga ke hari ini. Bagi memahami situasi tersebut, ia dapat diperhalusi dengan memahami bahawa kemerdekaan yang dicapai oleh negara pada tahun 1957 telah berjaya membentuk sebuah negara merdeka, Persekutuan Tanah Melayu, namun bukannya sebuah negara-bangsa Tanah Melayu. Perkara yang sama juga yang berlaku apabila pembentukan persekutuan Malaysia yang berjaya direalisasikan pada tahun 1963 yang sebenarnya mewujudkan persekutuan yang besar, bukannya Bangsa Malaysia (Abdul Rahman Embong, 2015).

Bagi istilah negara, definisinya dapat dirujuk sebagai sebuah institusi yang menyediakan kewujudan kerajaan. Dalam hal ini, negara mempunyai peranan yang berfungsi sebagai sebuah institusi tunggal yang satu dan terdapat beberapa institusi lain yang berada di bawah kawalan dan pentadbirannya (Jenks, 1974). Dalam struktur pemerintahan, terdapat struktur hirarki yang berperanan mentadbir dan mengawal aturan awam serta bertanggungjawab dalam merancang perbelanjaan, mengutip cukai dan hasil negara dan membuat perbelanjaan bagi manfaat bersama (Reynolds, 2005). Justeru, pernyataan mengenai kewujudan untuk sebuah negara adalah menjadi asas kepada pengiktirafan yang jelas bagi memperakui wujudnya sesebuah negara yang mempunyai kedaulatannya sendiri (*sovereignty*) dan juga merupakan asas dalam mengabsahkan (*legitimacy*)

kemerdekaan negara tersebut secara politik (Abdul Rahman & Wan Shawaluddin, 2015). Bagi istilah bangsa pula, pengertiannya dapat dirujuk sebagai sekumpulan manusia yang tinggal di sebuah wilayah atau kawasan yang terdapat persamaan dari segi kesenian, pengalaman sejarah, bahasa dan adat resam. Secara mudahnya, meskipun terdapat perbezaan bagi sekumpulan manusia tersebut dari segi ideologi, adat resam, bahasa, budaya, ras, suku dan agama, namun kumpulan manusia tersebut memiliki persamaan sejarah, usaha mencapai objektif politik dan tinggal dalam wilayah yang sama. Justeru itu, perkara tersebutlah yang dirujuk dalam konteks definisi bangsa. Sebagai tambahan, bangsa juga difahami sebagai sebuah masyarakat politik yang terbentuk dalam perjalanan sejarah melalui perasaan sebangsa, budaya, bahasa dan perkongsian wilayah (Abdul Rahman Embong, 2015). Sehubungan itu, apabila menggabungkan antara konsep negara dan bangsa, justeru wujudlah sebuah gagasan yang dikenali sebagai negara-bangsa. Justeru dapat dirumuskan bahawa, negara-bangsa merujuk kepada sebuah negara yang mempunyai kebebasan dari konteks dunia empayar. Di dalam negara-bangsa tersebut terdapatnya penduduk yang percaya dan berpegang teguh kepada prinsip satu bahasa, satu bangsa, satu kesusastraan dan satu kesedaran kebangsaan (Sivachandralingam, 2002).

Sehubungan itu, objektif asas penghasilan makalah ini adalah bertujuan untuk menelusuri perjalanan sejarah pembinaan negara-bangsa di Malaysia yang mana penulisan sejarah menjadi asas dalam penulisan yang dihasilkan. Selain itu, objektif makalah ini juga adalah untuk membahas cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang usaha untuk mewujudkan sebuah negara-bangsa yang berdaulat di Malaysia.

## Sorotan Literatur

Dari sudut sorotan sejarah, konsep negara-bangsa di negara ini dapat ditelusuri dengan melihat kepada era sebelum kedatangan penjajah di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu. Pada zaman tersebut, konsep bangsa dapat dilihat dengan memahami wujudnya ‘rakyat raja’. Konsep tersebut dapat diperhalusi maksudnya sebagai penduduk Tanah Melayu yang mempunyai kedudukan sebagai penduduk asal dan Bumiputera, yang merujuk kepada masyarakat Melayu (Mohd Ashraf, 2004). Dalam konsep tersebut, seorang raja yang berdaulat akan memiliki rakyatnya sendiri dan menumpahkan taat setia kepada raja yang memerintah menjadi asas. Perkara tersebut termasuklah mana-mana orang Melayu dan orang asli yang tempat tinggalnya di sepanjang sungai yang menjadi penentu sempadan bagi negeri tersebut. Dalam hal ini, rakyat raja secara jelas memberi kesetiaan yang tidak berbelah bahagi dan senantiasa memberi keutamaan terhadap perkara yang dititahkan oleh raja walau dalam apa-apa situasi sekalipun. Dalam hal ini, rakyat raja secara jelas akan dikerah tenaganya, malah terdapat juga rakyat raja yang dihukum seperti bunuh dan sula dengan perintah raja tanpa ada perbicaraan yang sempurna. Dalam konsep rakyat raja ini, kata-kata raja adalah undang-undang bagi rakyatnya (Ramlah, 1993).

Orang-orang luar tidak dianggap sebahagian daripada rakyat raja. Dalam konteks kedudukan raja, adalah agak sulit bagi mereka untuk Melayu menerima rakyat raja yang mempunyai latar belakang asal-usul dari luar untuk menjadi rakyatnya. Perkara tersebut mempunyai garis pemisah yang jelas. Mereka yang bukan rakyat raja tidak akan dikerah bagi menfaat raja tersebut dan mempunyai fungsi yang terasing dan berbeza dari rakyat raja negeri itu tersebut. Perbezaan antara rakyat raja bagi sebuah negeri berbanding orang Melayu dari kepulauan yang lain juga adalah sangat jelas. Mereka dikenali sebagai satu kumpulan manusia yang dikenali sebagai Minangkabau, bugis dan lain-lain. Jelasnya, rakyat raja mestilah penduduk asal negeri-negeri Melayu dan bukannya orang dagang walaupun dari rantau budaya yang sama iaitu Nusantara. Ketaatan kepada raja negeri tersebut menjadi kriteria utama untuk diterima menjadi rakyat raja (Ramlah, 1993). Perkara tersebut diakui oleh penjajah British ketika mereka mula-mula sampai di Tanah Melayu. Mereka dapati bahawa, terdapat beberapa kerajaan yang sudah sedia ada di Tanah Melayu dan pihak British mengiktiraf kewujudan kerajaan tersebut. Kerajaan-kerajaan yang sudah sedia ada pada waktu itu mempunyai ramai rakyat, rakyat tersebut mempunyai hak yang khusus manakala masyarakat yang datang berhijrah ke Tanah Melayu bukanlah rakyat raja. Mereka tidak dapat hak untuk menikmati perkara-perkara yang sama seperti yang dinikmati oleh rakyat raja, iaitu masyarakat Melayu (Khoo, 2010).

Dalam hal ini, kedudukan raja-raja Melayu dalam konteks asas negara-bangsa di Tanah Melayu itu sendiri perlu diperhalusi dari sudut ‘kedirajaan’. Gambaran tersebut menunjukkan kedudukan raja-raja Melayu sebagai kemuncak kepada konteks ketuanan Melayu, perkara yang sama juga terkandung di dalamnya

elemen seperti ‘kerabbanian’ atau ‘bayangan tuhan di muka bumi’. Justeru, perkara tersebut adalah hakikat sejak dulu lagi bagi membuktikan bahawa kedudukan raja-raja Melayu yang merupakan sumber atau punca kuasa yang begitu signifikan dengan falsafah kehidupan masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Kekuasaan tersebut dapat difahami sebagai sebuah warisan yang dirujuk dari sudut kehendak dan kedudukan agama Islam dalam kalangan masyarakat. Walau terdapat pandangan atau kritikan terhadap hal tersebut, ia secara jelas membuktikan kedudukan yang teratas dan tinggi telah dipadankan dengan status raja-raja dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu. Justeru, sama ada lemah atau kuat seseorang raja itu, hal-hal pentadbiran yang dijalankan adalah atas budi bicara raja tersebut. Perkara tersebut jelas menggambarkan peranan raja begitu signifikan dalam pentadbiran asas negara-bangsa di Tanah Melayu walaupun adakalanya perkara seperti ‘*rulers reign but not rule*’ sinonim dikaitkan dengan perkara tersebut (Shamrahayu, 2012).

Situasi wujudnya konsep rakyat raja yang terjadi di Tanah Melayu ketika dahulu telah menyaksikan asas kewujudan awal konsep negara-bangsa. Hal ini bermula dengan wujudnya perasaan kebersamaan antara rakyat. Perasaan tersebut adalah perasaan rakyat yang menumpahkan taat setia kepada raja tanpa berbelah bahagi. Disamping itu, asas konsep negara-bangsa juga dapat dilihat apabila raja Melayu yang memerintah pada waktu itu mempunyai kawasan tertentu yang diperintah dan mempunyai sempadan. Sempadan kawasan yang diperintah oleh raja tersebut didiami oleh rakyat yang menumpahkan taat setia kepada raja. Dalam keadaan tersebut, wujud kebersamaan perasaan dalam hati rakyat bahawa kawasan yang didiami itu mempunyai sempadan dan sempadan tersebut itulah tanah tumpah mereka kerana diperintah oleh raja yang mereka tumpahkan taat setia. Dalam masa yang sama, wujud juga perasaan yang sama dalam hati rakyat yang menggelarkan diri mereka sebagai ‘Melayu’ kerana persamaan-persamaan yang wujud dalam kalangan mereka. Justeru, keadaan tersebut merupakan asas konsep negara-bangsa terawal yang wujud di Tanah Melayu.

## Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan dalam penghasilan makalah ini ialah kaedah kualitatif. Dalam penulisan akademik sejarah, terdapat dua jenis sumber-sumber yang digunakan dalam penulisan iaitu sumber primer dan sekunder. Sumber primer merupakan sumber utama yang digunakan oleh pengkaji sejarah yang mana sumber tersebut mempunyai tahap *reliable* yang tinggi kerana ia merupakan sumber yang masih mentah dan belum mengalami proses tafsiran atau analisis. Manakala sumber sekunder pula merupakan sumber yang terdiri daripada bahan atau dokumen yang telah dikaji melalui pembacaan atau penulisan yang telah dilaksanaan oleh seseorang mahupun sesebuah kumpulan tentang sesuatu peristiwa, tokoh dan lain-lain (Ishak, 2010).

Memandangkan kajian yang dijalankan berbentuk makalah akademik sejarah, maka kaedah kepustakaan yang digunakan adalah analisis dokumen. Lokasi yang menjadi tempat untuk mendapatkan sumber-sumber tersebut adalah di arkib dan perpustakaan. Bersesuaian dengan tempoh kajian yang dipilih, pemilihan sumber-sumber dikumpul bermula seawal sebelum zaman penjajahan British hingga pembentukan negara-bangsa di Malaysia pada penghujung abad ke-19. Di samping itu, penggunaan sumber-sumber dari disiplin Sains Sosial yang lain seperti Sosiologi dan Sains Politik juga digunakan dan dijadikan ilmu bantu untuk menghasilkan penulisan makalah yang baik. Data-data dari sumber-sumber Sosiologi dan Sains Politik juga dianalisis kemungkinan menggunakan kaedah analisis dokumen. Sama seperti data-data dari sumber sejarah yang diperolehi.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### 1. Campur Tangan British dan Kesannya

Dalam konteks Tanah Melayu, semangat nasionalisme telah membentuk kesedaran masyarakat untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam politik tanah air (Roff, 2018). Hal ini bermula dengan berlakunya Perjanjian Pangkor 1874 (Hooker, 1984). Dalam perjanjian tersebut, telah berlaku pemisahan antara dua aspek pemerintahan seperti aspek sekular dan agama. Perkara ini berkait rapat dengan kekuasaan dan kepimpinan politik raja-raja Melayu. Perjanjian tersebut telah mengurangkan kuasa politik dalam pentadbiran raja-raja

Melayu. Namun kuasa mereka dari segi agama masih berjalan seperti biasa. Malah aspek itu juga dilihat adanya sifat birokrasi dan di dalam sistem seperti pentadbiran dan kehakiman, yang jelas berbeza bagi tiap-tiap negeri (Rustam, 2011). Perjanjian tersebut juga telah memperkenalkan konsep birokrasi moden bercorak penjajah British namun pentadbiran tradisional Melayu yang berpaksikan kekuasaan raja Melayu masih terus kekal (Mohd Ashraf, 2004). Hal tersebut dapat dirujuk dalam fasal keenam Perjanjian Pangkor, bahawa sultan perlu menerima seorang Residen British dan Residen tersebut mempunyai kuasa untuk memberi nasihat kepada sultan. Namun, hal berkaitan adat-adat Melayu dan agama Islam tidak termasuk dalam bidang kuasa Residen tersebut (Abdullah, 1997).

Sejak dari itu, wujud tiga bentuk pentadbiran yang dijalankan oleh pihak penjajah British di tanah Melayu. Pentadbiran yang pertama adalah Negeri Selat (NS). Negeri-negeri yang berada di bawah pentadbiran ini bertaraf tanah jajahan. Bersesuaian dengan tarafnya, Negeri Selat diperintah secara langsung oleh pihak kerajaan penjajah British. Pentadbiran yang kedua adalah Negeri Melayu Bersekutu (NMB). Pentadbiran ini memperlihatkan elemen kedaulatan raja-raja Melayu tetapi pada asasnya ditadbir berdasarkan model Tanah Jajahan Ratu Inggeris. Justeru, pentadbiran ini mengutamakan kepentingan golongan kapitalis British dan Cina. Pentadbiran yang ketiga pula adalah Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB). Pentadbiran ini pula dianggap sebagai contoh ideal pemerintahan secara tidak langsung oleh penjajah British. Walaupun corak pentadbiran ini mengutamakan kepentingan masyarakat Melayu, tetapi hakikatnya pentadbiran kerajaan tetap dipimpin oleh pentadbir-pentadbir British (Abdullah, 1997).

Dari sudut ekonomi, penguasaan British di Tanah Melayu telah membawa kepada pengenalan ekonomi moden. Perkembangan perkara ini dari segenap segi telah banyak menjelaskan kehidupan masyarakat Melayu yang sejak dulu lagi yang mengamalkan ekonomi sara diri. Perkara yang berkaitan penjualan tanah pusaka kepada pengusaha dari luar adalah perkara yang sering berlaku akibat pertembungan dua bentuk ekonomi tersebut. Sebelum permulaan penerokaan ekonomi moden secara besar-besaran oleh kerajaan dan pelabur, tanah adalah satu perkara yang dianggap penting dan dihargai oleh masyarakat Melayu. Sebagai contoh di Negeri Sembilan, usaha ke arah melindungi tanah orang Melayu telah bermula sejak 1887 dengan perlaksanaan *Sungai Ujung Land Regulation*. Pada 1916, pusat penempatan Melayu yang penting di Negeri Sembilan telah diisytiharkan sebagai kawasan simpanan Melayu. Di Selangor, *Land Code and Registration of Titles Regulation* telah diperkenalkan oleh Residen Selangor, W. E. Maxwell. Melalui peraturan ini, ‘hak milik pewarisan’ telah diadakan dengan butiran rasmi. Tanah jenis ini hanya untuk orang Melayu sahaja. Pada tahun 1913, kerajaan penjajah British telah mewujudkan *The Malay Reservation Enactment* berkuatkuasa pada 1 Januari 1914. Enakmen tersebut memberi kuasa kepada residen sahaja untuk mengubahsuai batas dan sempadan tanah simpanan Melayu. Tanah simpanan Melayu juga tidak boleh dijual atau digadai kepada orang bukan Melayu. Fasal 14 enakmen tersebut juga memberi kuasa kepada raja untuk menentukan taraf keMelayuan seseorang (Abdullah, 1997).

Dari sudut pendidikan, ketika penjajah British menjalankan pentadbiran di Tanah Melayu, sistem pendidikan yang sudah sedia wujud adalah aliran tradisional Melayu. Sistem pendidikan tersebut lebih bersifat Islamik. Sesi pembelajaran untuk sistem pendidikan tersebut berlangsung secara tidak formal di surau, masjid, rumah guru dan pondok-pondok pendidikan. Sistem tersebut mengalami pembaharuan dan perubahan dengan lahirnya sistem madrasah dan maahad yang dilihat lebih sistematik. Aliran sistem pendidikan tradisional tersebut berjalan dengan lancar sehingga penjajah British mula mewujudkan sistem pendidikan yang mengikut aliran mereka. Antara sekolah-sekolah terawal yang diwujudkan penjajah British di Tanah Melayu termasuklah Penang Free School (1816), diikuti dengan Malacca Free School (1826), Singapore Free School (1834), Raffles Institution (1863), Victoria Institution (1894) dan Sekolah King Edward VII (1906). Semua sekolah yang diwujudkan oleh penjajah British tersebut membawa konsep pendidikan yang percuma (*free school*). Pendidikan yang percuma tersebut diberikan kepada ibu bapa yang mempunyai keinginan menghantar anak-anak mereka ke sekolah beraliran Inggeris (Ishak, 2007). Justeru, pertembungan sistem pendidikan yang diterima masyarakat di Tanah Melayu telah mewujudkan masyarakat yang mempunyai aliran pemikiran yang pelbagai, terutamanya bagi masyarakat Melayu. Dalam hal ini, kepelbagai sistem pendidikan yang diterima telah mewujudkan pelbagai kelompok masyarakat yang yang mempunyai pemikiran yang berbeza-beza telah menyemarakkan lagi semangat untuk menentang penjajah (Soda, 2021).

Kesan dari sistem pendidikan yang diterima masyarakat, perkara tersebut telah mewujudkan beberapa kelompok yang mahukan negara bangsa di tanah Melayu diwujudkan atas idealisme mereka (Abu Talib, 2008). Kelompok-kelompok tersebut termasuklah kelompok radikal Melayu, konservatif dan Komunis. Bagi kelompok radikal Melayu, kelompok ini secara idealismenya mahukan negara-bangsa yang masyarakat Melayunya moden, mengutamakan bahasa Melayu, bersifat Sosialis namun tidak ke arah Komunis dan tidak cenderung untuk mempertahankan sistem feudalisme tradisional. Bagi kelompok konservatif pula, secara idealismenya mereka mahukan negara bangsa yang mempertahankan nilai Melayu tradisional seperti sistem monarki Melayu, mengutamakan penggunaan bahasa Melayu dan agama Islam. Manakala bagi kelompok Komunis pula, secara idealismenya mereka mahukan negara bangsa yang bersifat liberal, menerima kepelbagaian dari segi masyarakat dan menolak nilai-nilai Melayu lama. (Ishak, 2007). Seterusnya, individu-individu yang berada dalam kelompok tersebut telah menggerakkan usaha dan tenaga untuk membina sebuah negara bangsa di Tanah Melayu.

Bermula dari campur tangan penjajah British dalam pentadbiran masyarakat tempatan melalui Perjanjian Pangkor, diikuti dengan pengenalan ekonomi moden British, seterusnya berlaku pertembungan sistem pendidikan antara sistem pendidikan masyarakat tempatan dan penjajah, hal tersebut telah mewujudkan masyarakat Melayu yang mempunyai aliran pemikiran yang berbeza. Selari dengan aliran pemikiran yang dibawa, semangat nasionalisme juga muncul dalam kalangan masyarakat yang mahukan sebuah negara bangsa diwujudkan berdasarkan aliran pemikiran mereka. Dapat dilihat apabila pada tahun 1946, kelompok konservatif Melayu telah menyatakan bantahan mereka terhadap gagasan Malayan Union British apabila negara bangsa yang bakal dibentuk penjajah British melalui gagasan tersebut tidak selari dengan aliran pemikiran mereka (Abdullah, 2013). Selain itu, idealisme negara bangsa dari kelompok radikal Melayu pula hampir membawa Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan membentuk sebuah negara bangsa bersama Indonesia melalui Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) di bawah konsep ‘Melayu Raya’ pada bulan Ogos 1945, namun idea tersebut gagal (Saliha, 1997).

## 2. Gagasan Bangsa Idaman

*Nation-of-intent* adalah suatu masyarakat politik yang dibayangkan atau *an imagined political communities and imagined as both inherently limited sovereign*. Masyarakat politik tersebut adalah sesuatu yang dibayangkan kerana ahli-ahli yang terdapat di dalamnya tidak akan mengenali antara satu sama lain. Namun, dalam minda mereka akan wujud imej dan bayangan ahli-ahli masyarakat politik tersebut. Masyarakat politik tersebut dianggap mempunyai batas kerana wujudnya sempadan yang terhad walaupun mungkin bersifat elastik. Dalam hal ini, tidak ada bangsa yang akan memiliki sempadan yang sama (*coterminous*). Bangsa itu dianggap sebuah komuniti walaupun mungkin berlaku ketidaksamaan ahli dan eksplorasi kerana bangsa itu dianggap sebagai suatu *deep, horizontal comradeship* (Anderson, 1991).

Dalam konteks Malaysia, bangsa idaman yang dicita-citakan masih samar-samar kewujudannya. Hasrat dan usaha untuk mewujudkan konsep tersebut adalah cabaran untuk negara ini. Memetik pendapat Shamsul (2003):

“...the fact that Mahathir emphasized the need to create ‘a united Malaysian nation’ implies that Malaysia is still ‘one state with several nations’, meaning in the broad economic sense it is a coherent variant of capitalist entity but in the political and ideological sense it is still searching for a parallel coherence because there exist strong competing nations of intent”.

Di sudut yang lain, *nation of intent* yang cuba diketengahkan adalah suatu bentuk idea yang jelas terhadap konsep bangsa. Konsep tersebut termasuklah wilayah, penduduk, bahasa, simbol-simbol dan institusi. Justeru, idea-idea tersebut mestilah dikongsi oleh sejumlah penduduk yang menganggap dan merasakan diri mereka sebagai suatu bangsa dan merasakan idea-idea tersebutlah menyatukan mereka semua. Selain itu, negara-bangsa yang dicita-citakan juga boleh bermaksud pembentukan negara yang baru namun ini tidaklah semestinya bermaksud wujudnya aspirasi untuk berkerajaan sendiri oleh mereka yang berhasrat untuk mengetengahkan negara cita mereka (Shamsul, 1996).

Di Malaysia, kesedaran terhadap kepentingan konsep negara-bangsa telah menjadi teras pembangunan negara-bangsa Malaysia pada hari ini. Justeru, perkara tersebut sering menjadi perdebatan dan sama ada sedar atau tidak, perkara tersebut telah menyedarkan masyarakat secara keseluruhannya dari hal yang mempersoalkan perkara berkaitan negara-bangsa. Lantaran itu, persoalan mengenai hal berkaitan negara-bangsa di Malaysia telah lama dibincang dan diperdebatkan oleh intelektual-intelektual seperti Rustam A. Sani (1983), Ahmat Adam (1990), Anwar Ibrahim (1995), Ghazali Shafie (1995) dan seterusnya Abdul Rahman Embong (2000, 2006, 2015). Memetik pendapat Rustam (2004: 64), gagasan untuk membentuk sebuah negara-bangsa yang berkonseptan Melayu sebenarnya sudah wujud lebih awal sebelum negara mencapai kemerdekaan. Namun, beliau berpendapat perkara tersebut sebenarnya telah gagal. Beliau menyatakan:

*“... Malaya telah didirikan kira-kira tiga darsawarsa yang lalu di atas puing-puing satu nasionalisme, yakni nasionalisme Melayu yang telah gagal menegakkan sebuah negara Melayu dengan tunjangan unsur simbolis asasinya merupakan budaya, bahasa dan bangsa Melayu”*

Beliau menambah, terdapat tiga syarat utama yang perlu diketengahkan untuk membentuk Malaysia menjadi sebuah negara-bangsa berkonseptan Melayu. Keutamaan terhadap syarat-syarat tersebut termasuklah budaya, bahasa dan bangsa Melayu.

Usaha awal untuk membina sebuah negara-bangsa di awal kemerdekaan negara dari pihak pemerintah sudah bermula namun hal tersebut banyak tertumpu kepada hal-hal politik. Usaha untuk membina sebuah negara-bangsa diteruskan lagi oleh pihak pemerintah secara intensif, terutamanya selepas berlaku tragedi 13 Mei 1969 dengan melaksanakan beberapa dasar pembangunan seperti Dasar Ekonomi Baru. Namun pada era pemerintahan perdana menteri yang keempat, isu untuk membina sebuah bangsa idaman dalam sebuah negara-bangsa Malaysia moden ketika itu menjadi semakin jelas. Perkara tersebut secara jelas terdapat dalam elemen Wawasan 2020 pada tahun 1991 yang menekankan kepentingan bagi membentuk Bangsa Malaysia berdasarkan acuan atau cara Malaysia yang tersendiri (Mohamad Rodzi, 2009). Perdana menteri pada ketika itu berpendapat bahawa Wawasan 2020 merupakan adalah cita-cita yang mempunyai hasrat untuk membentuk Malaysia ke arah menjadi sebuah negara yang maju apabila menjelang tahun 2020 yang secara jelas mengikut acuandan caranya yang tersendiri. Bagi beliau, sudut kemajuan yang ingin dijelmakan dalam pembentukan negara-bangsa di Malaysia bukan sahaja terdiri dari kemajuan dari sudut ekonomi, malah juga merangkumi perkara-perkara lain seperti kerohanian dan spiritual. Disamping itu, Wawasan 2020 juga boleh dianggap sebagai sebuah gagasan atau matlamat yang sangat signifikan untuk dicapai. Ia merupakan sebuah panduan dan pedoman kepada hala tuju yang ingin dicapai oleh sebuah negara-bangsa yang merdeka (Mahathir, 1992).

Justeru bagi mencapai tujuan tersebut, terdapat sembilan perkara yang dimaknai sebagai cabaran yang perlu ditangani oleh negara. Dari sembilan cabaran tersebut, cabaran yang pertama adalah merujuk kepada cabaran bagi mewujudkan Bangsa Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai objektif yang dikongsi bersama, terdapat integrasi pada peringkat wilayah dan terdapat hubungan antara kaum berdasarkan hak dan keadilan (Mahathir, 1992). Untuk membentuk sebuah negara-bangsa, beliau menyatakan:

*“...building a nation out of diverse people with differing historical, ethnic, linguistic, religious, cultural and geographical backgrounds is something more than just fostering consensus on the basic character of a state or nation. It involves the fostering of (1) shared historical experiences, (2) shared values, (3) a feeling of common identity, (4) shared destiny that transcends ethnic bounds without undermining ethnic identity, (5) loyalty, (6) commitment, and (7) an emotional attachment to the nation, and the flowering of distinctly national ethos...”*

Dari sudut yang berbeza dalam konteks Malaysia di abad ke-21, terdapat pihak yang mempunyai pendapat mengenai ‘bangsa’ dari sudut pandang legalistik dan justeru mewujudkan perkara tersebut dan mengaitkannya dengan pengertian kewarganegaraan. Merujuk kepada perkara tersebut, bangsa Malaysia difahami bahawa dapat diwujudkan dengan terdapatnya tiga perkara yang utama. Perkara-perkara tersebut termasuklah menjadi warganegara Malaysia, mengamalkan cara hidup mengikut budaya Malaysia dan berbahasa kebangsaan sebagai peruturan harian. Di sudut yang lain pula, terdapat pihak yang menyamakan

konsep bangsa dalam gagasan bangsa Malaysia itu dengan konsep ras berdasarkan biologi seperti keturunan darah dan pembetukannya hanya boleh dilakukan dengan kewujudan perkahwinan campur (Abdul Rahman Embong, 2015). Dalam hal ini, setiap negara-bangsa yang wujud sinonim untuk mempunyai bangsa idaman masing-masing. Justeru setiap negara memperkasa usaha bagi membentuk bangsa idaman atau bangsa cita yang mengikut acuan masyarakat setempat (Hasnah, 2010).

### 3. Cabaran Mewujudkan Bangsa Idaman dalam Negara-Bangsa Merdeka

Pada era pra-kemerdekaan di Tanah Melayu, terdapat tiga bentuk ‘bangsa idaman’ yang muncul dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu pada ketika itu. bangsa idaman yang pertama cuba dibentuk oleh parti politik yang berlatarbelakangkan Islam dan mempunyai bercita-cita untuk menjadikan negara yang bakal merdeka ketika itu sebagai sebuah negara Islam dan seterusnya mewujudkan sebuah bangsa Islam. Oleh yang demikian, sejak awal penubuhan parti politik tersebut sehingga kini, mereka terus berjuang dengan meletakkan asas terhadap cita-cita tersebut sebagai pegangan. Walau bagaimanapun, usaha mereka masih belum tercapai terutamanya apabila berhadapan dengan konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam masa yang sama, kegagalan usaha mereka juga dapat dirujuk kepada faktorkekangan yang wujud dalam perlembagaan negara. Bangsa idaman yang kedua pula cuba dibentuk oleh kelompok elit Melayu yang berhaluan kiri yang ketika itu diwakili oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM). Mereka meletakkan cita-cita ingin mewujudkan negara-bangsa idaman yang dikenali ‘Melayu Raya’ yang mana gagasan tersebut merentasi sempadan geografi semenanjung Tanah Melayu. Namun cita-cita besar tersebut menemui jalan buntu apabila perkara tersebut melibatkan cengkaman dua kuasa besar yang menguasai wilayah Nusantara ketika itu yang merujuk kepada British dan Belanda. Bangsa idaman ketiga yang cuba diwujudkan pula adalah hasil idea dari golongan elit aristokrat yang mempunyai impian untuk mewujudkan sebuah masyarakat majmuk (*plural society*) di negara ini. Menerusi gagasan utama bangsa idaman yang ketiga tersebut, etnik Melayu-Muslim adalah teras kepada kewujudan negara-bangsa. Namun sehingga kini, terdapat kesukaran yang menghalang untuk merealisasikannya kerana terdapat perbezaan yang jelas antara masyarakat dan kepelbagaiannya dari segi budaya dan agama yang terdapat di negara ini (Shamsul, 2006).

Manakala pada penghujung era penjajahan British di Tanah Melayu, terdapat usaha dari pihak penjajah British ketika itu yang berusaha memperkenalkan model negara-bangsa di Tanah Melayu mengikut acuan mereka melalui idea Malayan Union. Namun perkara tersebut menemui kegagalan. Namun jika diperincikan, gagasan Malayan Union yang cuba diketengahkan oleh penjajah British ketika itu cuba memberi fokus terhadap usaha untuk mewujudkan sebuah negara-bangsa dalam konteks yang terbuka dan bersifat politik. Ianya bersifat terbuka bagi sesiapa sahaja yang mempunyai perasaan memperakui Tanah Melayu sebagai tanah air mereka sendiri tanpa mengira keturunan (Mohd Ashraf, 2004). Dari segi kewarganegaraan, Malayan Union adalah bersifat terbuka (*common citizenship*) kepada sesiapa, tanpa mengira ras dan meletakkan Malaya sebagai tempat asal mereka yang sebenar dan perkara tersebut adalah bukti kesetiaan mereka (Hickling, 1960).

Selain itu, konsep bangsa idaman dalam konteks negara-bangsa Malaysia yang merdeka juga pernah disuarakan oleh mantan ketua menteri Singapura, Lee Kuan Yew ketika Singapura adalah sebahagian dari Malaysia. Lee Kuan Yew telah memperjuangkan sebuah gagasan bangsa idaman yang dikenali sebagai ‘*Malaysian Malaysia*’. Melalui gagasan tersebut, beliau mempunyai cita-cita untuk mewujudkan sebuah negara-bangsa yang mana semua etnik mempunyai taraf kedudukan yang sama dari segi perlembagaan. Walaupun dewasa ini Singapura sudah tidak lagi menjadi sebahagian dari Malaysia, namun idea dan perjuangan mantan ketua menteri tersebut masih lagi segar diperjuangkan oleh beberapa parti politik di Malaysia sehingga ke hari ini. Justeru, dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa moden hari ini, gagasan untuk mewujudkan bangsa idaman tersebut kelihatannya adalah sukar (Hasnah, 2010).

Kewujudan gagasan-gagasan berkaitan bangsa idaman dalam negara-bangsa Malaysia hari ini telah mewujudkan fenomena persaingan untuk mewujudkan negara-bangsa yang dicita-citakan selama ini (*competing nations-of-intent in Malaysia*). Justeru, akar permasalahan pembinaan negara-bangsa di Malaysia wujud apabila terdapat dua pihak yang bersaing dalam usaha untuk membina bangsa idaman dari sudut pandang mereka. Persaingan itu datang dari kelompok Bumiputera dan bukan Bumiputera (Shamsul, 2003). Secara retrospektif, usaha untuk membina negara-bangsa di Malaysia telah memperlihatkan dua pihak yang

bersaing dengan memegang pendirian yang amat berbeza tentang cara-cara bangsa idaman yang bersatu harus diwujudkan. Bagi pihak yang pertama, mereka berpegang kepada pendirian bahawa usaha untuk mewujudkan bangsa idaman haruslah didasarkan kepada nilai-nilai dan ketuanan Melayu. Bangsa Malaysia tersebut mestilah bertunangkan elemen-elemen keMelayuan. Pendirian ini mengemukakan alasan bahawa orang-orang Melayu merupakan penduduk asal. Hal ini disokong oleh bukti tentang wujudnya sistem politik, ekonomi dan sosial yang lengkap berasaskan Melayu sebelum kehadiran dan pemantapan kuasa-kuasa penjajah. Mereka yang berpegang kepada pendirian ini menganggap kehadiran British tidak mengubah *status quo* masyarakat Melayu (Thock, 2005).

Bagi pihak yang kedua pula, mereka memberi hujah bahawa bangsa idaman yang ingin dibentuk haruslah mengakui kepelbagaian kaum, budaya dan bahasa negara ini. Bangsa idaman di Malaysia tidak boleh didasarkan kepada elemen kebumiputeraan atau penduduk asal sahaja. Manifestasi kepelbagaian budaya perlu dipaparkan dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia. Campur tangan kerajaan dalam pembentukan rupa bangsa seperti pemilihan bahasa kebangsaan dan pencorakan sistem pendidikan dianggap sebagai tindakan yang tidak berasas. Rupa bentuk bangsa idaman tersebut perlu bebas dan dibiarkan terbentuk secara semulajadi tanpa campur tangan mana-mana pihak (Thock, 2005).

## Kesimpulan

Kesimpulannya, pembinaan negara-bangsa di Malaysia merupakan sebuah proses yang berterusan (*ongoing process*). Dari sudut sejarah, kewujudan konsep rakyat raja di Tanah Melayu adalah asas kepada pembinaan negara-bangsa. Dalam konsep tersebut, seorang raja yang berdaulat secara jelas memiliki rakyatnya sendiri. Justeru taat dan setia dari rakyat kepada raja yang memerintah telah menjadi asas. Perkara tersebut merangkumi sesiapa sahaja sama ada orang Melayu dan orang asli yang mendiami di sepanjang sungai yang secara geografinya membentuk sempadan negeri tersebut. Sebagai balasan, seorang rakyat raja akan memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi dan akan sentiasa memberi keutamaan terhadap perintah raja walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Dalam hal ini, mereka bukan sahaja akan dikerah tenaganya, malah boleh dihukum dengan kaedah seperti bunuh atau sula dengan perintah raja tanpa ada perbicaraan yang sempurna. Apa yang terlafaz dari mulut raja adalah undang-undang bagi rakyatnya. Manakala dari sudut campur tangan British di Tanah Melayu pula telah meninggalkan beberapa kesan dari beberapa sudut. Antara kesannya termasuklah penentangan terhadap pemerintahan British dari kalangan kelompok-kelompok ideologi yang berbeza. Ideologi-ideologi tersebut termasuklah Radikal, Konservatif dan Komunis. Bermula dari campur tangan penjajah British dalam pentadbiran masyarakat tempatan melalui Perjanjian Pangkor, diikuti dengan pengenalan ekonomi moden British, seterusnya berlaku pertembungan sistem pendidikan antara sistem pendidikan masyarakat tempatan dan penjajah, hal tersebut telah mewujudkan masyarakat Melayu yang mempunyai aliran pemikiran yang berbeza.

Dari sudut gagasan bangsa idaman pula, ia masih lagi samar-samar kewujudannya. *Nation of intent* yang cuba diketengahkan adalah suatu bentuk idea yang jelas terhadap konsep bangsa. Konsep tersebut termasuklah wilayah, penduduk, bahasa, simbol-simbol dan institusi. Justeru, idea-idea tersebut mestilah dikongsi oleh sejumlah penduduk yang menganggap dan merasakan diri mereka sebagai suatu bangsa dan merasakan idea-idea tersebutlah menyatukan mereka semua. Wawasan 2020 yang pernah diilhamkan pada tahun 1991 merupakan dasar dari pihak pemerintah yang dilihat jelas dalam usaha pembinaan negara-bangsa di Malaysia. Di samping itu, cabaran untuk membina negara-bangsa di Malaysia telah memperlihatkan dua pihak yang bersaing dengan memegang pendirian yang amat berbeza tentang cara-cara bangsa idaman yang bersatu harus diwujudkan. Bagi pihak yang pertama, mereka berpegang kepada pendirian bahawa usaha untuk mewujudkan bangsa idaman haruslah didasarkan kepada nilai-nilai dan ketuanan Melayu. Bangsa Malaysia tersebut mestilah bertunangkan elemen-elemen keMelayuan. Bagi pihak yang kedua pula, mereka memberi hujah bahawa bangsa idaman yang ingin dibentuk haruslah mengakui kepelbagaian kaum, budaya dan bahasa negara ini. Bagi mereka bangsa idaman di Malaysia tidak boleh didasarkan kepada elemen kebumiputeraan atau penduduk asal sahaja. Manifestasi kepelbagaian budaya perlu dipaparkan dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia.

**Penghargaan:** Ucapan penghargaan dan terima kasih daripada barisan penulis-penulis kepada Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan yang diberi dalam proses penghasilan dan penerbitan makalah ini.

**Konflik kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

## Rujukan

- Abdullah Zakaria Ghazali. (1997). *Pasir Salak, pusat gerakan menentang British di Perak*. Yayasan Perak.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2013). Gerakan patriotisme dan perjuangan menuntut kemerdekaan. Dlm. Abdul Latiff Abu Bakar (pnyt.). *Gerakan patriotisme dan kebangsaan dalam peradaban Malaysia* (hlm. 65-108). Tanjung Malim: Institut Perabadan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rahman Embong. (2015). *Negara-bangsa, proses & perbahasan* (Edisi Kedua). Penerbit UKM.
- Abdul Rahman Tang Abdullah & Wan Shawaluddin Wan Hassan. (2015). Elemen sejarah dalam pembentukan negara: Kemunculan negara bangsa di Eropah dan proses kolonialisasi dan dekolonialisasi dalam konteks Malaysia. *Perspektif*, 7 (1), 57-71. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1699/1226>
- Abu Talib Ahmad. (2008). Aliran kiri dalam nasionalisme Melayu, 1945-57: Satu pemerhatian. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 36, 24-51.
- Anderson, B. (1991). *Imagined communities; Reflections of the origin and spread of nationalism*. Ulang Cetak. Verso Books.
- Hasnah Hussiin. (2010). *Isu-isu negara bangsa abad ke-21*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Hickling, R. H. (1960). *An introduction to the Federal Constitutional*. Federation of Malaya information services.
- Hooker, M. B. (1984). *Islamic law in South-East Asia*. Oxford University Press.
- Ishak Saat. (2007). *Politik Melayu pelbagai aliran*. Karisma Production Sdn. Bhd.
- Ishak Saat. (2010). *Penulisan sejarah*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jenks, E. (1974). *The state and the nation*. E. P. Dutton.
- Khoo, K. K. (2010, September 6). Hak istimewa Melayu tidak boleh dipadam. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/142082>
- Mahathir Mohamad. (1992, Januari 31). *Towards a united malaysian nation. Ucapan pada makan malam United Malaysian Nation by the year 2020*, Kuala Lumpur. <https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=1653>
- Mohamad Rodzi Abdul Razak. (2009). Pembinaan negara bangsa malaysia: peranan pendidikan sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jebat*, 36, 90-106. <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/42239>
- Mohd Ashraf Ibrahim. (2004). *Gagasan bangsa Malayan yang bersatu 1945-57*. Penerbit UKM.
- Mohd Ashraf Ibrahim. (2010). Pembentukan negara bangsa di Malaysia 1945-1974. [Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Ramlah Adam. (1993). Pembentukan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu, 1946-1956 dan kesannya kepada kedudukan politik orang Melayu, dlm. *Malaysia dari segi sejarah* (hlm. 2). Persatuan Sejarah Malaysia.
- Reynolds, C. J. (2005). Nation and state in histories of nation building, with special reference to Thailand, dlm. Wang Gungwu (pnyt.). *Nation building in Southeast Asian histories*. Hlm. 23. ISEAS.
- Roff, W. R. (2018). *Nasionalisme Melayu*. Terj. Ahmad Boestamam (Edisi keempat). Penerbit Universiti Malaya.
- Rustam A. Sani. (2004). *Ke mana nasionalisme Melayu?*. R. Publishing Service.
- Rustam A. Sani. (2011). *Asal-usul sosial golongan kiri Melayu: Satu analisis berkenaan Kesatuan Melayu Muda*. Strategic Information & Research Development Centre.
- Saliha Hassan. (1997). Dr. Burhanuddin Al Helmi (1911-1969). Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Hj. Nawang (pnyt.). *Biografi tokoh pilihan Malaysia* (hlm. 19-49). Penerbit UM.

- Shamrahayu A. Aziz. (2012). Di antara sejarah dan tuntutan semasa. *Pembentangan kertas kerja Seminar Perlembagaan Malaysia*. Arkib Negara Malaysia, 5 Julai.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1996). Nation-of-Intent in Malaysia. Dlm. Stein Tonnesson & Hans Antlov (pnyt.). *Asian forms of the nation* (hlm. 323-347. Nordic Institute of Asian Studies.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2003, Februari 26-28). One state, many nations: which way forward for Malaysia. *Kertas kerja International Conference, Rethinking Ethnicity and Nation Building: Malaysia, Sri Lanka and Fiji in Comparative Perspective*, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2006, Jun 13-14). *Kertas Kerja Ucaptama Seminar Kebangsaan Pengajian Umum*. Anjuran Universiti Teknologi Malaysia.
- Soda, N. (2020). *Conceptualizing the Malay World: Colonialism & Pan-Malay identity in Malaya*. Trans Pacific Press.
- Sivachandralingam Sundara Raja. (2002). *Sejarah Eropah*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Thock, K. P. (2005). *Ketuanan politik Melayu, pandangan kaum Cina*. Penerbit UM.